



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHBAR

SURAT KHBAR	:	METRO AHAD		
TARIKH	:	29/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 34 & 35
JABATAN	:	JPNP		

34 | XPRESI

METRO AHAD  
29 OGOS 2021



FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG

Oleh Muhamad Razis Ismail  
razis@mediaprima.com.my

Di Malaysia, hutan dipterocarp bukan sahaja ekosistem yang penting, tetapi turut menjadi habitat untuk hidupan alam termasuk sumber kayu yang berharga.

"Mass flowering" atau pendebungaan secara besar-besaran antara fenomena unik yang berlaku di sebahagian besar hutan dipterocarp di negara ini.

Ini dapat diperhatikan melalui perubahan warna kanopi apabila tahun ini cukup istimewa kerana kita dapat melihat begitu banyak mosaik warna seperti kuning, merah dan putih di antara kanopi hijau hutan kita di seluruh Semenanjung Malaysia.

Uniknya, fenomena membabitkan pelbagai spesies pokok hutan ini hanya berlaku dalam tempoh lima hingga 10 tahun sekali.

Dalam tempoh ini pelbagai spesies pokok seperti meranti sarang punal, meranti kepong, kempas, kerating, perah dan kedondong akan berbuah sangat lebat berbanding tahun sebelumnya.

Susulan itu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di seluruh negara mengambil peluang menjalankan aktiviti perolehan biji benih untuk disemai sebagai merealisasikan inisiatif Program Penghijauan Malaysia.

Baru-baru ini, penulis berpeluang menyertai Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) melihat sendiri fenomena ini di Hutan Simpan Tekai Tembeling.

Pada masa sama, penulis dapat melihat pasukan pemanjat JPNP menjalankan aktiviti perolehan biji benih menggunakan kaedah memanjat.

Penulis kagum apabila melihat ribuan buah yang dijatuhkan dari pokok



PASUKAN pemanjat memastikan keadaan pokok.



Biji benih yang dijatuhkan.



MEMERLUKAN teknik memanjat yang betul.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia

seolah-olah 'terbang' dengan sayapnya seperti payung terjun sebelum mendarat di atas tanah.

Ketua Penolong Pegawai Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang, Solehan Saorani berkata, ketika fenomena 'mass flowering' ini berlaku, hampir semua spesies pokok berbuah dengan lebat.

Katanya, dalam tempoh ini, jumlah buah meningkat sehingga 50 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Oleh itu, pihak Jabatan Perhutanan di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk di Pahang mengambil kesempatan menjalankan aktiviti perolehan biji benih untuk disemai sebelum ditanam semula.

"Pelbagai spesies dipterocarp seperti mersawa, meranti, balau, resak, keruing, kapur, merawan dan cengal menjadi keutamaan kerana ia lebih berharga dan mendapat permintaan industri yang tinggi," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Beliau berkata, setiap buah daripada spesies dipterocarp mempunyai bilangan sayap yang berbeza.

"Sebagai contoh,



**Pelbagai spesies dipterocarp seperti mersawa, meranti, balau, resak, keruing, kapur, merawan dan cengal menjadi keutamaan kerana ia lebih berharga dan mendapat permintaan industri yang tinggi**

**SOLEHAN**



KESELAMATAN sentiasa diutamakan.



MAMPU peroleh biji benih segar dan matang.



Biji Benih



ANTARA peralatan digunakan untuk memanjat.



PETUGAS mengutip biji benih yang dijatuhkan.

buah yang mempunyai tiga sayap adalah daripada kumpulan meranti, dua untuk keruing dan lima untuk kumpulan kapur," katanya.

Menurutnya, terdahulu, pasukan pemanjat akan memanjat pokok yang sudah dikenal pasti untuk mengait dan menggagalkan dahan pokok bagi menjatuhkan buah.

"Kemudian proses mengutip dijalankan sebelum ia dibersihkan untuk semaian segera bagi mengelakkan benih buruk dan rosak. Benih

**Dengan memanjat, kita dapat memperoleh buah segar dan matang berbanding menggunakan kaedah kutipan anak benih liar yang peratus kehidupannya lebih rendah apabila dipindahkan dari habitat semula jadi ke tapak semaian**

**MOHD ZARIN**



September," katanya. Sementara itu, Pegawai Hutan Daerah Jerantut, Mohd Zarin Ramli berkata, pihaknya mengambil kesempatan fenomena ini untuk menjayakan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bermula 2021 hingga 2025.

"Pada masa sama, kita dapat membuat stok bahan tanaman di tapak semaian untuk ditanam semula di kawasan terbuka, bekas pembalakan dan bekas matau," katanya.

Katanya, menerusi kaedah memanjat, pihaknya dapat memperoleh lebih banyak biji benih berkualiti seperti yang disasarkan.

"Dengan memanjat, kita dapat memperoleh buah segar dan matang berbanding menggunakan kaedah kutipan anak benih liar yang peratus kehidupannya lebih rendah apabila dipindahkan dari habitat semula jadi ke tapak semaian," katanya.

"Aktiviti mengutip biji benih dijalankan sejak Julai lalu dan kita jangka dapat diselesaikan sepenuhnya pada